

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama



Isikan Dunia Ini dengan Kasih Kristus

Apabila kita fikir tentang Krismas, biasanya kita fikir tentang pemberian dan penerimaan hadiah. Hadiah boleh menjadi sebahagian tradisi yang dihargai, tetapi ia juga boleh menjejaskan maruah musim ini dan mengalihkan perhatian kita dari merayakan hari lahir Juruselamat kita dalam cara yang bererti.

Dari pengalaman peribadi, Krismas yang tidak dapat dilupai ialah Krismas yang tanpa banyak kekayaan. Hadiah dari zaman kanak-kanak saya tentunya sederhana berbanding dengan standard hari ini. Ada masanya saya menerima sehelai baju yang dijahit atau sepasang sarung tangan atau stoking. Saya ingat tentang satu Krismas yang istimewa, abang saya berikan saya satu pisau kayu yang dia ukir.

Krismas yang bererti tidak perlukan hadiah yang mahal. Saya ingat tentang satu cerita dari Elder Glen L. Rudd, yang melayan sebagai seorang ahli Tujuh Puluh dari tahun 1987 sehingga tahun 1992. Satu hari sebelum hari Krismas banyak tahun lalu, apabila dia mengurus satu rumah stor uskup, dia diberitahu oleh seorang pemimpin gereja tentang satu keluarga yang berkeperluan baru pindah ke bandar. Apabila dia mengunjung flat mereka, dia mendapati seorang ibu yang tidak berkahwin bersama empat orang anak di bawah umur 10 tahun.

Keluarga itu sangat berkeperluan, ibu itu tidak mampu untuk membeli hadiah atau makanan bagi anak-anaknya Krismas itu — dia tidak mampu untuk membeli seponon pokok Krismas. Saudara Rudd berbual-bual dengan

keluarga itu dan mendapati bahawa tiga anak perempuan dalam keluarga itu inginkan anak patung atau haiwan permainan. Apabila dia menanya anak lelaki yang berumur enam tahun tentang hadiah yang dia ingin, anak lelaki yang lapar itu membalas, “Saya ingin menerima satu mangkuk bubur mil oat.”

Saudara Rudd janji anak lelaki itu dia akan menerima bubur mil oat dan mungkin hadiah lain. Kemudian dia pergi ke rumah stor uskup dan kumpulkan makanan dan bahan-bahan lain yang diperlukan oleh keluarga itu.

Pada pagi itu, seorang Orang Suci Zaman Akhir yang bermurah hati berikan dia 50 dolar untuk “seorang yang berkeperluan.” Dengan dermaan itu, Saudara Rudd bersama tiga orang anaknya pergi membeli-belah — anak-anaknya pilihkan alat permainan bagi kanak-kanak keluarga yang berkeperluan itu.

Selepas mereka letakkan makanan, pakaian, hadiah, seponon pokok Krismas, dan perhiasan, keluarga Rudd memandu ke flat keluarga itu. Mereka menolong ibu itu dan anak-anaknya menghiaskan pokok Krismas. Kemudian mereka letakkan hadiah di bawah pokok itu dan berikan anak lelaki itu satu bungkus mil oat yang besar.

Ibu itu menangis, anak-anaknya bergembira, dan mereka nyanyikan lagu Krismas. Pada waktu makan malam, keluarga Rudd bersyukur bahawa mereka boleh menolong satu keluarga dan berikan satu mangkuk bubur mil oat kepada seorang anak lelaki.¹

Kristus dan Roh Pemberian

Fikirkan cara yang sederhana dan yang bermaruah Bapa Syurgawi kita meraya kelahiran Putera-Nya. Pada malam yang suci itu, malaikat muncul kepada gembala dan bukan orang yang kaya. Kristus dilahir dalam satu palung dan bukan satu rumah agam. Dia dibedung dengan kain kasar, bukan kain sutera.

Kesederhanaan Krismas pertama itu menggambarkan hidup Juruselamat. Walaupun Dia ciptakan bumi, hidup dengan agung dan mulia, dan berdiri di sebelah kanan Bapa, Dia datang ke bumi sebagai seorang bayi. Kehidupan-Nya ialah satu teladan kebangsawanan yang sederhana, dan Dia berjalan di kalangan orang yang miskin, yang sakit, yang sedih, dan yang berbeban berat.

Walaupun Dia seorang raja, Dia tidak mementingkan kehormatan atau kekayaan manusia. Hidup-Nya, kata-Nya, dan aktiviti harian-Nya ialah teladan maruah yang sederhana dan bererti.

Yesus Kristus, tahu tentang cara yang sempurna untuk melayan, berikan kita satu pola pelayanan. Kepada mereka yang menderita kesunyian dan kesedihan, Dia bawakan belas kasihan dan kesenangan hati. Kepada orang yang kesakitan badan dan minda, Dia bawakan kasih sayang dan kesembuhan. Kepada orang yang berbeban dosa, Dia berikan harapan, keampunan, dan penebusan.

Jika Juruselamat berada di kalangan kita hari ini, kita boleh mendapati Dia di tempat yang selalu Dia berada—melayan orang yang menurut, yang sedih, yang rendah hati, dan yang sedar. Sepanjang musim Krismas ini dan selalunya, semoga kita beri kepada Dia dengan menyayangi seperti Dia menyayangi, melalui tindakan baik hati, ihsan, dan belas kasihan, isikan dunia ini dengan cahaya kasih sayang dan kuasa kesembuhan-Nya.

NOTA

1. Lihat Glen L. Rudd, *Pure Religion: The Story of Church Welfare since 1930* (1995), 352–53; juga lihat Glen L. Rudd, “A Bowl of Oatmeal,” *Church News*, Desember. 2, 2006, 16.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Uchtdorf mengajar bahawa kita harus ikut pola pelayanan Juruselamat. Timbang untuk menjemput orang yang kamu kunjungi mengambil alih untuk menyatakan kurnia yang sudah Juruselamat

beri kepada mereka, dan bincang tentang bagaimana mereka boleh gunakan kurnia itu untuk melayan orang lain. Sebagai contoh, jika seorang diberkati berkat muzikal, dia boleh nyanyikan lagu Krismas kepada jiran-jirannya. Kamu boleh berlutut dan berdoa bersama orang yang kamu kunjungi, mintakan inspirasi tentang kurnia yang harus dikongsi, cara untuk mengongsi, dan dengan siapakah harus berkongsi dengan. Susuli akan inspirasi yang kamu terima.

REMAJA

Belajar dari Pengalaman Orang Lain

Presiden Uchtdorf berucap dari pengalaman peribadi apabila dia ajar tentang “Krismas yang tidak dapat dilupai ialah Krismas yang tanpa banyak kekayaan.” Kita boleh banyak belajar dari generasi tua; banyak orang dewasa pernah hidup pada masa peperangan, pengangguran, kesakitan, atau cubaan lain. Tanya ahli tua dalam bahagian atau cabang kamu untuk memberitahu kamu tentang Krismas mereka yang paling bererti. Kamu boleh catatkan cerita mereka. Cuba belajar dari teladan mereka dengan berfokus pada pelayanan yang tulus ikhlas dan dengan mengikut Juruselamat pada musim Krismas ini.

KANAK-KANAK

Kurnia dari Yesus Kristus

Ada orang meraya kelahiran Yesus Kristus dengan pokok Krismas. Ada orang letakkan hadiah di bawah pokok Krismas. Kurnia apakah sudah Juruselamat berikan kamu? Lukiskan pokok Krismas kamu dengan lima hadiah di bawahnya. Bacakan ayat-ayat suci berikut dan warnakan satu hadiah selepas kamu baca satu ayat suci itu. Kamu boleh berikan hadiah kepada Yesus dengan mencari cara untuk menolong orang lain.

Mazmur 33:6

Yohanes 14:27

Yohanes 15:9

2 Nefi 2:8

3 Nefi 15:9



Misi Ilahi Yesus Kristus: Putera Kedamaian

Iman, Keluarga, Pertolongan

Kajikan bahan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari .Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

“Juruselamat ialah sumber damai yang benar,” kata Elder Quentin L. Cook dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Walaupun adanya cubaan hidup, kerana Penebusan dan rahmat Juruselamat, kehidupan yang soleh akan diganjar dengan kedamaian peribadi.”¹ Kefahaman bahawa Yesus Kristus ialah Putera Kedamaian boleh menolong kita untuk mencari kedamaian jiwa dan meningkat iman kepada Dia.

Yesus Kristus berkata: “Aku mengatakan semua ini supaya kamu beroleh kesejahteraan kerana bersatu dengan Aku. Di dunia kamu akan menderita, tetapi tabahkanlah hati kamu, kerana Aku sudah mengalahkan dunia” (Yohanes 16:33). Linda S. Reeves, penasihat kedua dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan memberi kasaksian tentang kebenaran ini dengan berkata: “Tuhan sudah berbelas kasihan ke atas saya dan sudah meringankan

beban saya. Dia sudah menolong saya untuk merasa kedamaian.”²

Elder Richard G. Scott dari Kuorum Dua Belas Rasul mengajar: “Tempat yang ideal untuk mencapai . . . kedamaian adalah dalam rumah kita, di mana kita sudah melakukan sedaya upaya untuk menumpukan perhatian kepada Yesus Kristus.”³

Ayat-ayat Suci Tambahan

Yesaya 9:6; Lukas 2:14;
Yohanes 14:27; 1 Nefi 13:37;
Ajaran dan Perjanjian 59:23

Dari Tulisan Suci

Yesaya menubuat tentang kelahiran Yesus Kristus, Putera Kedamaian (lihat Yesaya 9:6). Di Amerika, Samuel, orang Laman menubuat tentang tanda-tanda yang akan meneman kelahiran Kristus lima tahu kemudian (lihat Helaman 14:3,5). Apabila semakin dekat hari yang sudah dinubuat itu, orang yang tidak percaya mengancam untuk membunuh semua orang Kristian jika tanda-tanda itu tidak berlaku. Nabi Nefi “berseru dengan

amat kuat kepada Tuhan sepanjang hari itu; dan lihatlah, suara Tuhan datang kepadanya, memfirmankan: . . . pada keesokan hari datanglah Aku ke dalam dunia ini” (3 Nefi 1:12–13). Tanda-tanda itu muncul, dan dengan kelahiran Kristus, “bangsa itu mula lagi mempunyai kedamaian di dalam negeri itu” (ayat 23).

Di Betlehem, Maria “melahirkan seorang anak lelaki, anaknya yang sulung. Anak itu dibedungnya lalu diletakkan di dalam palung” (Lukas 2:7).

NOTA

1. Quentin L. Cook, “Personal Peace: The Reward of Righteousness,” *Liahona*, Mei 2013, 35.
2. Linda S. Reeves, “Claim the Blessings of Your Covenants,” *Liahona*, Nov. 2013, 120.
3. Richard G. Scott, “For Peace at Home,” *Liahona*, Mei 2013, 29

Timbangkan ini

Dalam cara apa Juruselamat bawakan kedamaian ke dalam hidup kamu?